

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 5/2006**

=====

**GARIS PANDUAN BAGI KES-KES PENDAFTARAN PINDAHMILIK  
DARIPADA WAKIL KEPADA PIHAK KETIGA - TAFSIRAN DI BAWAH  
SEKSYEN 60 AKTA PROBET DAN PENTADBIRAN, 1959**

-----

**1. TUJUAN**

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memberi garis panduan bagi penyelesaian kes-kes probet dan wasiat di mana Wakil ingin memindahmilik hartanah si mati kepada pihak lain tanpa memindahmilik hartanah kepada waris-waris si mati terlebih dahulu dan seterusnya membatalkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor bil.3 Tahun 2005 yang memberikan garis panduan sementara berkaitan perkara di atas.

**2. LATAR BELAKANG**

Terdapat pencanggahan tafsiran seksyen 60 Akta Probet dan pentadbiran 1959 di antara Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Negeri Selangor dengan pengamal undang-undang dan suatu rujukan mengenai perkara ini telah dibuat kepada Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) yang telah dijawab melalui surat dengan nombor rujukan JKPTG/101/LA/514-KTNP (56) bertarikh 5hb. Mei 2006. Pejabat Tanah dan Galian telah meberikan garis panduan sementara melalui telah memberikan garis panduan sementara melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor bil. 3 Tahun 2005 untuk membolehkan transaksi-transaksi berkaitan perkara di atas diteruskan bagi mengelakkan penangguhan yang tidak munasabah. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor bil. 5 Tahun 2006 ini membalibatkan garis panduan sementara di dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian bil. 3 Tahun 2005.

### **3. GARIS PANDUAN UNTUK MEMINDAHMILIK HARTANAH DARIPADA WAKIL KEPADA PIHAK LAIN TANPA MEMINDAHMILIK KEPADA WARIS-WARIS TERLEBIH DAHULU DI DALAM KES-KES PROBET DAN WASIAT**

- 3.1 Pandangan daripada Peguan Kanan Persekutuan menyatakan bahawa Wakil mempunyai kuasa untuk memindahmilik hartanah si mati kepada pihak lain walaupun ia belum dipindahmilik kepada waris. Oleh yang demikian, permohonan oleh Wakil untuk kes seperti ini boleh didaftarkan di pejabat tanah **TETAPI** jika terdapat sekatan di dalam wasiat si mati yang menghalang hartanya dijual kepada pihak lain tanpa dipindahmilik kepada waris, permohonan untuk mendaftarkan hakmilik tersebut boleh ditolak.
- 3.2 Apabila terdapat permohonan untuk memindahmilik hartanah daripada Wakil kepada pihak lain, khususnya pembeli maka Pentadbir/Pendaftar hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut dilampirkan:-
- (a) Surat hakmilik asal;
  - (b) Borang pindahmilik (14A);
  - (c) Sijil Probet/*Grant of Probate*;
  - (d) Wasiat si mati/ *Will*;
  - (e) Borang di Jadual 15, *Selangor Land Rules 2003 – Application For Registration As Representative, Perenggan 51 (O)*.
- 3.3 Permohonan mendaftarkan pindahmilik daripada Wakil kepada pihak lain yang telah diperserahkan di pejabat tanah tetapi masih belum didaftarkan, boleh didaftarkan.
- 3.4 Jika nama Wakil yang ingin mendaftarkan pindahmilik masih belum lagi didaftarkan di atas hakmilik sebagai Wakil ke atas hartanah si mati, pendaftaran tersebut boleh dibuat bersekali dengan permohonan untuk mendaftarkan nama pembeli, asalkan pendaftaran nama Wakil didaftar terlebih dahulu di atas hakmilik sebelum pendaftaran pindahmilik daripada Wakil ke atas nama pembeli dibuat.

3.5 Permohonan mendaftarkan pindahmilik daripada Wakil kepada pihak lain yang telah ditolak sebelum ini boleh dimasukkan semula dan didaftarkan.

**4. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini akan berkuatkuasa mulai dari tarikh semasa.

**5. PEMAKAIAN**

Pekeliling ini terpakai kepada semua Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Negeri Selangor.

T.T  
**(ZOAL AZHA BIN YUSOF)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 25 JULAI 2006